

22 NOV 1997

Abdullah-Pendirian

PENDIRIAN MALAYSIA TETAP SAMA, KATA ABDULLAH

KEPALA BATAS, 22 Nov (Bernama) -- Malaysia tetap tidak akan membenarkan mana-mana negara menyiasat syarikatnya yang melabur di negara lain walaupun merasa senang hati dengan langkah Amerika Syarikat untuk tidak menyiasat pelaburan Petronas di Iran.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Badawi, hari ini berkata walaupun Amerika menjelaskan negara itu tidak berniat membuat siasatan terhadap pelaburan Petronas itu, sekurang-kurangnya Amerika memahami pendirian Malaysia yang tidak bersetuju syarikat minyak negara itu disiasat.

"Saya tidak fikir ada susulan lain perlu diambil berhubung perkara itu," katanya pada sidang berita selepas menghadiri mesyuarat pembangunan di Pejabat Daerah Seberang Perai Utara.

Rabu lepas, Timbalan Penolong Setiausaha Negara Bagi Sekatan Tenaga dan Komoditi Amerika, William Ramsay, berkata kunjungannya ke Malaysia bukan untuk menyiasat Petronas sebaliknya bagi memperjelaskan latarbelakang Akta Sekatan Iran-Libya 1996 dan maksud akta itu.

Selain Petronas, syarikat Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia dilaporkan turut disiasat oleh AS kerana membuat pelaburan yang sama di Iran.

Menteri Luar itu berkata kedua-dua kerajaan itu juga berpendirian yang tidak kurang tegasnya seperti Malaysia di dalam hal itu.

Mengenai resolusi daripada Kongres Amerika yang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memohon maaf dan meletak jawatan kerana beliau didakwa anti Yahudi, Abdullah berkata Kedutaan Malaysia di Washington kini boleh menjelaskan mengenai perkara itu kepada ahli kongres berkenaan.

"Kedutaan kita kini sudah tahu dan laporan penuh (mengenai usul percaya terhadap PM) telah dihantar ke AS," katanya.

Terdahulu, ketika merasmikan Khemah Ibadat Remaja di Permatang Manggis dekat sini, beliau meminta semua pihak berjimat cermat dengan tidak berbelanja berlebihan ketika menyambut pemimpin-pemimpin yang datang merasmikan sesuatu majlis.

"Memadai jika mereka menghidangkan minuman dan satu dua jenis kuih-muih sahaja,"katanya sambil menggalakkan mereka menjadikannya sebagai satu kebiasaan.

Seramai 168 murid dari sekolah menengah dan rendah sekitar daerah itu dan Sungai Petani, Kedah menyertai khemah empat hari itu anjuran Biro Agama dan Pendidikan, Kelab Sukan dan Kebajikan, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara. -- BERNAMA

AHM NAK